

# **Leftenan ditahan terima rasuah daripada nelayan**

**UIN 2/3/2022 MS.33**

**PETALING JAYA:** Seorang pegawai kanan di sebuah agensi kerajaan ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki meminta dan menerima rasuah daripada pemilik bot sebagai balasan melindungi dan tidak mengambil tindakan undang-undang ke atas nelayan yang melakukan kesalahan.

Penahanan lelaki berusia 34 tahun itu menjadikan tangkapan membabitkan penjawat awam kepada enam orang manakala selebihnya lima orang awam dalam operasi Op Tunda di Kedah.

Satu sumber mendaharkan, suspek dikatakan menerima suapan selepas tidak mengambil tindakan ke atas bot nelayan di bawah Akta Perikanan 1985 bagi tempoh antara 2015 hingga 2022.

“Suspek berpangkat Leftenan itu dipercayai bertugas di Langkawi ditahan ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPM, Kedah,” katanya di sini semalam.

Kata sumber, suspek telah dibawa ke Mahkamah Majistret Alor Setar pagi semalam untuk permohonan reman.

“Perintah reman selama lima hari sehingga 5 Mac ini terhadap suspek dikeluarkan oleh Majistret Nurshahida Abd Rahim di Mahkamah Majistret Alor Setar, Kedah,” jelasnya.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Perisikan SPM, Datuk Azmi Kamaruzaman ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut.

Beliau berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 17 (a) Akta SPM 2009.

Kelmarin, SPM menahan reman 10 individu termasuk seorang wanita terdiri daripada lima penjawat awam dan lima orang awam berusia antara 26 hingga 57 tahun bagi membantu siasatan.